

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.07.2017

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah perkembangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan bilakah projek ini dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek yang penting bagi merealisasikan aspirasi untuk menjadikan ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur yang lebih mampan, sekaligus meletakkan sektor pengangkutan awam negara pada tahap yang lebih moden dan efisien. Oleh yang demikian, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan

Diperbadankan telah diberi tanggungjawab selaku pemilik projek untuk mengawal selia dan memantau perkembangan terkini projek mega ini agar dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir suku kedua tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 yang lalu. Sesi yang berlangsung selama 90 hari tersebut telah bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017 dan dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperoleh mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Berdasarkan perkembangan ini, Kerajaan yakin kerja-kerja pembinaan projek ECRL akan dapat dimulakan pada tahun ini.